

**PANDUAN PENULISAN OBJEKTIF EKSPLISIT DALAM PERANCANGAN
PENGAJARAN BAGI GURU-GURU PELATIH PENGURUSAN
PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN**

SITI NORAZIAN BINTI MISKAM

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Mac, 2003

Teristimewa Buat Insan-Insan Tersayang:

Ayahanda Hj. Miskam bin Haji Ismail... dan bonda Hjh. Hamijah bte Haji Mohd. Nor
Berkat pengorbanan, kesabaran, dan doa ayahbonda menyemarakkan lagi kejayaan yang
anakanda kecapai ini.

Buat keluarga tersayang.....

Kak Ikin, Kak Lin, Kak Wati, Abang Joe, Kak Intan, Kak Ju, Kak Yang,
Kak Lela, Kak Enon, dan adinda tercinta....

Saiful, Juraimi, Khairuddin dan adik bongsu tersayang.. Azim

Terima kasih atas bantuan dan pengorbanan yang dihulurkan
Semoga jasa kalian akan dibalas dan kebahagiaan tetap milik kita bersama...

Buat Ma, abah dan adik-beradik tersayang

Terima kasih atas kesudian menerima diri ini dalam keluarga kalian

Salam teristimewa buat tunang tersayang...

Muhammad Sani bin Che Idris

Semangat dan dorongan yang diberikan....

Penyeri semangat untuk adinda meneruskan perjuangan ini

Semoga hidup kita di berkat Allah S.W.T dan

Berbahagia selalu.....

‘Inilah Bukti Perjuangan & Kejayaanku’

Salam Sayang

- *Sazyan* 2003-

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya telah memberikan saya kekuatan dan ketabahan dalam menyempurnakan projek sarjana ini bagi memenuhi syarat pengurniaan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional mengikut tempoh yang dirancangan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas dan terima kasih yang tidak terhingga khusus kepada Puan Yusmarwati Bt Yusof selaku penyelia projek sarjana yang telah banyak memberi bimbingan, dorongan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh menjalankan penyelidikan ini. Juga tidak dilupakan jasa dan keprihatinan Tuan Haji Sapon bin Ibrahim yang banyak membantu dan membimbing saya dari awal hingga akhir penyelidikan ini dijalankan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) di atas segala kerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan serta kepada pelajar-pelajar Sarjana Semester 3 2002/2003 yang telah memberikan kerjasama dalam menjawab soalan soal selidik.

Tidak lupa kepada keluarga tercinta, tunang tersayang, dan rakan-rakan seperjuangan yang turut memberikan sokongan dan galakan yang membina sepanjang kajian ini dijalankan. Sesungguhnya segala jasa dan budi kalian tidak akan dilupakan dan sekali lagi diucapkan jutaan terima kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Persediaan mengajar merupakan teras kepada seseorang guru sebelum memulakan sesi pengajarannya. Faktor terpenting memastikan para pelajar menguasai konsep pengajarannya adalah melalui penulisan objektif yang jelas. Penulisan objektif dalam bentuk eksplisit merupakan asas utama kepada seseorang guru untuk memastikan matlamat pengajaran dan pembelajaran telah terlaksana serta memudahkan penyediaan ujian. Analisis awal ke atas laporan penyelia untuk penilaian pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sesi 2001/2002 semasa menjalani latihan mengajar (LM) menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar hanya mendapat keputusan sederhana dan lemah dalam menulis pernyataan objektif secara eksplisit semasa menjalani latihan mengajar. Para pensyarah bersetuju bahawa keadaan tersebut disebabkan kebanyakan pelajar tidak jelas dengan konsep dan teknik penulisan objektif secara eksplisit yang betul. Di atas dasar tersebut, sebuah buku Panduan Penulisan Objektif Pengajaran (PPOP) telah dihasilkan. Bagi mendapatkan gambaran sebenar, pengukuran kuantitatif dan kualitatif terhadap PPOP dilakukan dengan mengambil 47 orang pelajar yang mewakili keseluruhan populasi sebagai responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Semester 3 2002/2003 khusus dalam bidang Pengurusan, Perniagaan dan Perakaunan dan dua orang pensyarah di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITHO). Kajian berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik dan temubual dilakukan untuk mendapatkan penilaian pelajar dan pensyarah terhadap penulisan objektif pengajaran eksplisit di dalam menyediakan perancangan pengajaran. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian SPSS Version 11 (*Statistical Package for Social Sciences*). Hasil dapatan dianalisis menggunakan sisihan piawai dan nilai purata. Mereka telah diminta untuk menilai keperluan PPOP, bentuk maklumat, isi kandungan, sifat *user friendly* dan kebolegunaan panduan tersebut. Dari hasil kajian dan perbincangan, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa PPOP yang dihasilkan adalah perlu untuk dibangunkan dan mempunyai tahap kebolegunaan yang baik semasa menyediakan perancangan pengajaran mereka. Ia diharap dapat membantu para pelajar menulis objektif pengajaran dengan lebih tepat dan jelas pada masa akan datang.

ABSTRACT

Teaching preparation are important because it's the core of teaching and learning process. The major element to make sure the student comprehend to idea of the learning are from good instructional objectives writing. Writing in explicit objectives help learners what is expected to do after completing a unit of instruction and to guide them in planning instruction and devising tests. However, first survey from Master of Technic and Vocational students in their practical teaching report show that most of the students only in middling and low level for writing explicit instructional objectives during teaching practical. Most of the lecturers agreed that the situation happen because the student did not comprehend the concepts. To help students make an effective learning in classes, Explicit Instructional Objective Guideline (PPOP) was designed. In order to get the real picture, quantitative and qualitative measurement regarding Explicit Instructional Objective Guideline are being taken from 47 students out of the whole population as respondent, which consists of Master Students from third semester 2002/2003 and two lecturers from Faculty of Engineering Technology, Tun Hussein Onn College University Technology (KUiTTHO). All respondents majoring in Business Of Administration and Accounting during their first degree. The study in the form of observation using questionnaires and interviews are being carried out to get the student's and lecturer's evaluation regarding instructional objectives writing in instructional planning. Data analysis is done by using SPSS Version 11 (Statistical Package for Social Sciences) software using the mean score and standard deviation. They were asked to evaluate the requirements for information needs of PPOP, content, user friendliness and usefulness of the guideline. From the result and discussions the outcome shows that the guideline (PPOP) need to be design and can be applied and used during writing the instructional objective in instruction planning. Under the circumstances, from the finding, a Explicit Instructional Objective Guideline (PPOP) has been proposed in order to assist students to write instructional objectives with more precise in the future.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	i
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI SINGKATAN/SIMBOL	xvi
I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Dapatan Kajian	7
	1.7 Skop Kajian	8
	1.8 Kerangka Teori	9
	1.9 Definisi dan Istilah	10
	1.9.1 Panduan Penulisan	10
	1.9.2 Objektif Eksplisit	11

1.9.3 Perancangan Pengajaran	11
1.9.4 Guru Pelatih	12
1.9.5 Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan	13

II SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	14
2.1.1 Objektif Pengajaran	16
2.1.2 Penyediaan Menulis Objektif Pengajaran	21
2.2 Komponen Pernyataan Objektif Eksplisit	22
2.3 Kepentingan Kenyataan Objektif Eksplisit	25
2.4 Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	27
2.4.1 Kesediaan Kognitif	29
2.4.2 Kesediaan Afektif	29
2.4.3 Kesediaan Psikomotor	30
2.5 Penutup	31

III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	32
3.2 Rekabentuk Kajian	33
3.3 Sumber Data	34
3.3.1 Data Primer	34
3.3.2 Data Sekunder	34
3.4 Sampel Kajian	35
3.5 Instrumen Kajian	36
3.5.1 Soal Selidik	36
3.5.2 Temubual	37
3.6 Kajian Rintis	38
3.7 Kerangka Operasi	40
3.8 Prosedur Kajian	41
3.9 Kaedah Analisis Data	42
3.10 Andaian	44
3.11 Batasan Kajian	44

IV	REKABENTUK PRODUK	
4.1	Pendahuluan	45
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	46
4.3	Objektif Penghasilan Panduan Penulisan	
	Objektif Pengajaran	47
4.4	Rekabentuk Produk	48
	4.4.1 Bentuk dan Ciri Produk	48
	4.4.2 Kronologi Pembinaan Produk	49
	4.4.3 Permasalahan Dalam Membina Produk	49
	4.4.4 Cadangan Mengenai Masalah yang Timbul	50
	4.4.5 Bahan, Kos dan Masa Membina Produk	50
	4.4.6 Dokumentasi Produk	52
4.5	Penilaian Produk	52
	4.5.1 Pemilihan dan Pembinaan Intrumens	
	Untuk Menilai Produk	52
4.6	Pemilihan Subjek Atau Sampel Kajian	
	yang Akan Menilai Produk	53
	4.6.1 Fokus Penilaian	53
V.	DAPATAN KAJIAN	
5.1	Pendahuluan	54
5.2	Pengumpulan Data	55
5.3	Analisis Data	56
	5.3.1 Analisis Data Berdasarkan	
	Soal Selidik	56
	5.3.1.1 Analisis Data Bahagian I	56
	5.3.1.2 (a) Pengalaman Mengajar	57
	5.3.1.2 (b) Pengkhususan Ijazah Pertama	58
	5.3.1.3 Analisis Data Bahagian II	60
	5.3.1.4 Analisis Data Bahagian III (C)	66
	5.3.1.5 Analisis Data Bahagian IV	67

5.3.1.6 Bahagian a: Bahagian IV (1): Persepsi Responden Terhadap PPOP Dari Segi Isi Kandungan	68
5.3.1.6 Bahagian b: Bahagian IV (2): Persepsi Responden Terhadap PPOP Dari Segi Mesra Pengguna (<i>User Friendly</i>)	71
5.3.1.6 Bahagian c: Bahagian IV (3): Persepsi Responden Terhadap PPOP Dari Segi Kebolegunaan	73
5.3.1.7 Analisis Data Bahagian V : Maklum Balas Responden	75
5.4 Analisis Data Berdasarkan Temubual	76
5.5 Rumusan	78

VI RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan	79
6.2 Kesimpulan	80
6.2.1 Keperluan dan Kepentingan PPOP	81
6.2.2 Bentuk Maklumat yang Sesuai	83
6.2.3 Kandungan Isi Yang Baik	84
6.2.4 Sifat Mesra Pengguna (<i>User Friendly</i>) Yang Perlu Diperbaiki	86
6.2.5 Bersifat Kebolegunaan Yang Baik	87
6.2.6 Maklum Balas Positif Tenaga Akademik	88
6.3 Cadangan	89
6.3.1 Kajian Akan Datang	89
6.3.2 Pembaikan Panduan	90
6.3.3 Berdasarkan Dapatan Penyelidik	90
6.4 Penutup	91

BIBLIOGRAFI	92
--------------------	----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Analisis Keputusan Penulisan Objektif Eksplisit Bagi Pelajar Pengurusan Perniagaan Dan Perakaunan Bagi Sesi 2001/2002	4
2.1	Perbezaan Antara Objektif Pengajaran Yang Memberi Tumpuan Kepada Guru Dan Pelajar	18
3.1	Spesifikasi Skala Likert	37
3.2	Dapatan Kajian Rintis Instrumen	39
3.2	Formula Peratusan (%)	42
3.3	Skala Skor Min	43
4.1	Senarai Kos Pembinaan Produk	51
5.1	Kekerapan dan Peratusan Latar Belakang Responden	57
5.2	Maklum Balas Responden Tentang Kepentingan Kaedah Penulisan Objektif Pengajaran Dalam Perancangan Mengajar	61
5.3	Maklum Balas Responden Mengenai Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Penulisan Objektif Pengajaran	64
5.4	Maklum Balas Responden Tentang Isi Kandungan Dalam PPOP	68

SENARAI JADUAL (sambungan)

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
5.5	Maklum Balas Responden Tentang Penggunaan PPOP Pada Tahap Mesra Pengguna (<i>user friendly</i>)	71
5.6	Maklum Balas Responden Tentang Kebolehgunaan PPOP	73
5.7	Maklum Balas Responden Berkenaan PPOP	75
5.8	Maklum Balas Tenaga Akademik Berkenaan PPOP	77
6.1	Min Bagi Meninjau Tahap Keperluan Pembangunan PPOP Dalam Perancangan Mengajar	81
6.2	Min Bagi Meninjau Bentuk Maklumat Yang Sesuai Dalam Penulisan Objektif Pengajaran	82
6.3	Min Bagi meninjau Persepsi Responden Terhadap PPOP Dari Segi Isi kandungan.	85
6.4	Min Bagi Meninjau Persepsi Responden Terhadap PPOP Dari Segi Mesra Pengguna (<i>User Friendly</i>)	86
6.5	Min Bagi Meninjau Persepsi Responden Terhadap PPOP Dari Segi Kebolehgunaan	87

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	9
2.1	Komponen-komponen Persediaan Mengajar Mengikut Pandangan Glaser	17
2.2	Model Asas Pengajaran-Pembelajaran Glaser	28
3.1	Kronologi Kajian Ke Atas Responden	40
4.1	Langkah Pembinaan Produk	48
5.1	Peratusan Responden Mengikut Jumlah Pengalaman	58
5.2	Kekerapan Responden Bagi Pengkhususan Di Peringkat Ijazah Pertama	59



PTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	97
B	Output Analisis Kajian Rintis	101
C	Brodur dan Buku Panduan – PPOP	104
D	Output Analisis Min dan Peratusan	130
E	Senarai Semak PPOP	148
F	Surat Kebenaran Pengesahan Pakar	151



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

SENARAI SINGKATAN

P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPOP	-	Panduan Penulisan Objektif Pengajaran
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara bertujuan memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia, bertanggung jawab, serta berkeupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Matlamat ini telah memberi kesan dan membawa perubahan kepada falsafah dan matlamat pendidikan perguruan (Abu Hasssan, 1992). Pendidikan perguruan merangkumi aspek teori yang memberikan pengetahuan dan kemahiran asas kepada guru pelatih, manakala aspek amali merupakan pengaplikasian teori tersebut dalam persekolahan sebenar. Aspek amali dalam konteks ini tertumpu kepada latihan mengajar yang merupakan sebahagian daripada keperluan profesion perguruan.

Latihan mengajar merupakan satu komponen penting dalam program pendidikan guru di Malaysia sama ada di maktab-maktab perguruan ataupun di universiti-universiti yang menawarkan Program Pendidikan kepada pelajar. Peter (1997) menyatakan pendidikan sebagai persediaan untuk mengajar dan latihan mengajar menjadi tunggak membentuk bakal-bakal guru yang baik dan berkualiti. Ini kerana latihan mengajar bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada bakal-bakal guru untuk mengamalkan teori-teori yang telah mereka pelajari dengan keupayaan menguasai bidang dan topik dengan berkesan. Semasa menjalani latihan mengajar, seseorang guru pelatih perlu membuat perancangan yang rapi dan teliti dalam buku perancangan mengajar yang telah disediakan. Ini bagi memastikan segala yang dirancang dapat dicapai kerana perancangan yang baik merupakan aspek yang penting dalam pengajaran yang berkesan (Rahil Mahyuddin. et al., 1997).

Pengajaran berkesan memerlukan seseorang guru pelatih untuk mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang akan diajar agar mereka dapat mencapai matlamat dalam pengajarannya. Mereka perlu meneliti kemahiran pengetahuan dan kepakaran yang ada pada diri mereka. Dalam membuat perancangan mengajar, seseorang guru perlu mentafsir sukatan pelajaran, membuat rancangan kerja dan persediaan mengajar agar mereka dapat menjalankan pengajaran dengan baik dan penuh keyakinan (Yusup Hashim, 1998).

Sharifah Alwiyah (1985) menyatakan untuk menjamin mutu pengajaran yang baik terdapat tiga komponen penting yang perlu dititikberatkan oleh seorang guru dalam perancangan mengajar mereka iaitu:

1. Maklumat asas: Penentuan objektif, topik, isi dan pengetahuan sedia ada pelajar.
2. Penyampaian: Pendahuluan dan penutup rumusan yang bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran.
3. Penilaian: Mengetahui sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran itu tercapai atau tidak.

Perancangan yang rapi dan sistematik perlu dibuat kerana ianya berfungsi sebagai pelan tindakan yang akan dilakukan oleh seseorang guru dalam membantu penyusunan dan penyampaian pengajaran serta menunjukkan arah tuju bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran. Walau bagaimanapun, terlebih dahulu guru hendaklah memastikan mereka memahami dengan jelas dan menghayati akan matlamat dan objektif-objektif sesuatu mata pelajaran agar persediaan mengajar dapat disediakan dengan lebih baik lagi. Penekanan dalam langkah perancangan mengajar ialah ke atas objektif pengajaran yang memfokuskan kepada tindakbalas dan perlakuan pelajar.

Menurut Ee Ah Meng (1987), ciri-ciri guru yang berkesan adalah guru yang pandai merancang dan mengurus pengajarannya dengan baik di peringkat awal lagi iaitu menyatakan objektif pengajarannya dengan jelas dan tepat. Pendapat ini disokong oleh Rowntree (1974) yang menyatakan bahawa pernyataan objektif mestilah dinyatakan secara khusus untuk memastikan perubahan tingkahlaku yang berlaku seperti yang diinginkan yang boleh dilihat, diukur atau dinilai.

Oleh yang demikian, guru pelatih harus mampu untuk memikir dan menentukan objektif pengajaran dengan jelas dan tepat agar proses pengajaran lebih mudah untuk dilaksanakan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Untuk tujuan penyelidikan, satu analisis terhadap keputusan latihan mengajar oleh 60 orang pelajar khusus dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan dalam buku Laporan Penyelia bagi sesi 2001/2002 bagi pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Semester 2 dan 3) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) telah dijalankan. Hasil analisis mendapati 44% guru

pelatih mendapat komen keputusan yang baik dalam penulisan objektif eksplisit mereka. Manakala sebanyak 48% guru pelatih mendapat keputusan pada tahap sederhana dan sejumlah 8% guru pelatih lemah dalam penulisan objektif mereka (Jadual 1.1)

Jadual 1.1 : Analisis Keputusan Penulisan Objektif Eksplisit Bagi Pelajar Pengurusan Perniagaan Dan Perakauan Bagi Sesi 2001/2002

PERATUSAN (%)	KEPUTUSAN
44	BAIK
48	SEDERHANA
8	LEMAH

Pensyarah cenderung menyatakan bahawa penulisan objektif pengajaran guru pelatih berada pada tahap kurang memuaskan. Kenyataan ini telah disokong oleh dua orang pensyarah yang terlibat secara langsung dalam penyeliaan latihan mengajar iaitu Tuan Haji Sapon bin Ibrahim dan Dr. Wan Rashid bin Wan Ahmad.

Masalah ini juga disebabkan guru pelatih itu sendiri kurang memahami konsep penulisan objektif eksplisit dalam persediaan perancangan mengajar mereka. Pernyataan objektif pengajaran mereka tidak dinyatakan dalam bentuk perlakuan pelajar iaitu tidak dinyatakan secara eksplisit yang meliputi aspek-aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang sesuai. Keadaan menjadi lebih kritikal apabila guru pelatih itu sendiri kurang berpengetahuan dalam menulis objektif pengajaran yang bersesuaian dan bertepatan serta dapat dinyatakan secara khusus tentang apakah jenis tingkah laku pelajar yang ingin dilihat sebagai bukti proses pembelajaran telah

berlaku. Oleh itu mereka tidak mampu mengaitkan topik pengajaran yang hendak disampaikan dengan objektif pengajaran yang perlu dicapai oleh pelajar.

Kesilapan penggunaan kata kerja yang bersesuaian dan bertepatan dalam perancangan persediaan mengajar juga menyumbang kepada masalah penulisan objektif pengajaran ini. Ini memandangkan pemilihan kata kerja yang sesuai bagi menghuraikan tingkah laku pelajar sebagaimana yang diperlukan adalah bahagian yang sukar di dalam menulis objektif (Bloom, 1956). Menurut Brophy dan Good (1986), kejelasan dan ketepatan adalah unsur terpenting dalam pengajaran yang berkesan. Gagne pula (1985) mendapati ketidakjelasan guru dalam penyediaan perancangan mengajar akan memberi kesan negatif ke atas pencapaian dan tingkah laku pelajar. Oleh itu, persediaan mengajar yang baik dan jelas dalam penulisan objektif eksplisit adalah menjadi panduan ke arah proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam kelas.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, para pendidik perlu memahami cara-cara penulisan objektif pengajaran yang baik di samping memilih dan menguasai pengajaran yang sesuai bagi membantu para pelajar belajar secara berkesan. Menyatakan objektif pengajaran secara eksplisit dengan tepat dan jelas merupakan langkah yang perlu diambil dalam usaha menangani masalah menentukan bahan dan alat pengajaran yang sesuai dengan minat, kebolehan dan pengetahuan sedia ada pelajar. Masalah timbul dalam penulisan objektif eksplisit apabila analisis terhadap 60 orang guru-guru pelatih Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Semester 2 dan 3) khusus dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan dilakukan. Hasil penyelidikan mendapati sejumlah 48 % guru pelatih mendapat keputusan penulisan objektif pada tahap sederhana dan 8% guru pelatih lemah dalam penulisan objektif mereka. Jumlah ini adalah separuh daripada keseluruhan bilangan pelajar yang dianalisis.

Bagi mengatasi masalah ini pengkaji mencadangkan suatu panduan penulisan objektif pengajaran yang dikenali dengan lebih ringkas dalam kajian ini sebagai PPOP yang boleh digunakan oleh pendidik (guru dan pensyarah) dalam menyediakan perancangan mengajar yang baik. Panduan yang akan dihasilkan adalah dalam bentuk buku bersaiz A4. Walau bagaimanapun, sejauhmana Panduan Penulisan Objektif pengajaran (PPOP) yang direkabentuk boleh digunakan dan memudahkan bakal pendidik menyampaikan pengajaran kepada para pelajar dengan berkesan perlu dikaji terlebih dahulu.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah perlu membangunkan panduan penulisan objektif pengajaran secara eksplisit?
- ii. Apakah bentuk maklumat yang diperlukan dalam menulis objektif eksplisit oleh bakal pendidik (guru dan pensyarah) dalam menyampaikan sesuatu konsep pengajaran dengan berkesan kepada pelajar?
- iii. Se jauh mana Panduan Penulisan Objektif pengajaran (PPOP) yang dihasilkan bersifat mesra pengguna (*user friendly*), kebolegunaan dan mempunyai isi kandungan yang sesuai dari persepsi pelajar?
- iv. Bagaimanakah maklum balas tenaga akademik terhadap panduan yang dihasilkan?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai empat (4) objektif utama iaitu;

- i. Membangunkan Panduan Penulisan Objektif Pengajaran (PPOP) secara eksplisit untuk pelajar-pelajar yang bakal menjadi pendidik.
- ii. Mengenalpasti bentuk maklumat yang sesuai dalam pernyataan objektif eksplisit yang dapat membantu bakal pendidik (guru dan pensyarah) menyampaikan sesebuah konsep pengajaran dengan berkesan kepada pelajar.
- iii. Menyediakan satu Panduan Penulisan Objektif pengajaran (PPOP) yang bersifat mesra pengguna (*user friendly*), kebolehgunaan dan mempunyai isi kandungan yang sesuai dari persepsi pelajar.
- iv. Mengenalpasti maklum balas tenaga akademik bagi PPOP yang dihasilkan.

1.6 Dapatan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membina satu panduan penulisan objektif pengajaran yang bersistematik di dalam penyediaan perancangan mengajar bagi pelajar Sarjana Pendidikan yang mengkhusus dalam jurusan Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan. Adalah diharapkan melalui penghasilan panduan ini, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dihasilkan. Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga diharap boleh digunakan bagi memantapkan lagi persediaan

pengajaran bakal pendidik (guru dan pensyarah) bagi membolehkan penulisan objektif eksplisit yang lebih jelas, tepat dan spesifik dapat ditulis.

1.7 Skop Kajian


Kajian ini meliputi para pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Semester 3 sesi 2002/2003 khusus dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan semasa Ijazah Pertama mereka. Panduan Penulisan Objektif Pengajaran (PPOP) yang direkabentuk adalah berdasarkan perancangan persediaan mengajar yang terdapat dalam buku-buku dan nota pedagogi MTT 1204 Pedagogi dan Teknologi Pendidikan Dalam PTV. Kajian ini hanya terbatas kepada pengujian isi kandungan dan kebolegunaan PPOP sahaja.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.8 Kerangka Teori

Rajah 1.1 : Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1 merupakan kerangka teori berdasarkan proses pembelajaran yang dicadangkan oleh Biggs yang dirujuk oleh Thomas (1998) yang dikenali sebagai *reflective heuristics*. Melalui proses ini satu bentuk rancangan bagi sesuatu masalah dihasilkan, diaplikasi dan dinilai hasil rancangan tersebut.

Bagi kajian ini, rancangan tersebut adalah Panduan Penulisan Objektif pengajaran (PPOP) yang dihasilkan bagi membantu bakal pendidik (guru dan pensyarah) dalam menulis pernyataan objektif secara eksplisit dengan tepat (dalam bentuk perlakuan pelajar). Panduan ini akan dinilai oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dan mempunyai kemahiran dalam penulisan objektif pengajaran dan akan didedahkan kepada pelajar sarjana yang mengkhusus dalam Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan bagi menentukan kesahan kandungan dan penggunaan panduan ini dalam membantu mereka menulis objektif pengajaran secara eksplisit (dalam bentuk tingkah laku) serta proses penyampaian pengajaran yang lebih berkesan.

1.9 Definisi dan Istilah

1.9.1 Panduan Penulisan

Longman Concise English Dictionary (1985) mendefinisikan panduan sebagai *'direction or supervision of action or a word, phrase or sign indicating the appropriate to do something'*.

Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2000) pula mendefinisikan panduan sebagai sesuatu yang digunakan untuk dijadikan bahan rujukan (perintis atau arahan).

Longman Concise English Dictionary (1985) mendefinisikan penulisan sebagai *'An idea, practice or occupation of literacy composition.'*

Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu (1995), penulisan bermaksud satu laporan atau idea yang dipersembahkan secara formal dalam bentuk tulisan.

Panduan penulisan dalam kajian ini adalah penulisan objektif eksplisit dalam perancangan mengajar yang ditulis untuk dijadikan panduan dan bahan rujukan oleh bakal pendidik (guru dan pensyarah). Panduan penulisan objektif akan dibuat dalam bentuk buku bersaiz A4.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Alim Abd. Rahim (1994). "Pengantar Psikologi Bilazim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Adam (1992). "Menghala Wawasan 2020." (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn.Bhd.
- Andrea M. Guillaume (2000). "Classroom Teaching: A Primer for New Professionals." New Jersey: Prentice Hall.
- Anita E. Woolfolk (1993). "Educational Psychology." London: Allyn Bacon.
- Atan Long (1978). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1980). "Pedagogi: Kaedah, Am Mengajar." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Atan Long (1984). "Pendidik dan Pendidikan". Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Baharuddin Aris, Norafendy Yahya, Jamalluddin Harun dan Zaidatun Tasir (2000). "Teknologi Pendidikan : Dari Tradisi Kepada Terkini." Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Best, J.W. and Kahn, J.V. (1998). "Research in Education." Massachusets: Allyn & Bacon.
- Bloom, Benjamin S., Engelhart, M.B., Furst, E.J., Hill, W.H., and Krathwohl, D.R. (1956). "Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Golas. Handbook 1: Cognitive Domain." New York: David Mckay Company, Inc.
- Bolin, F.S. (1995). Teaching as a Craft. dlm Ornstein, A.C. (Ed.). "Theory Into Practice." US: Ally & Bacon.
- Che An Abdul Ghani dan Mohd. Amin Arshad (1995). "Motivasi dan Kreativiti Dalam Profesion Perguruan: Satu Penilaian Terhadap Pemahaman Guru-guru Pelatih Tentang Konsep Induksi Set." Dlm. Prosiding Seminar JKLEAU KE-19. "Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru yang Unggul." Kuala Lumpur: Cumall Industries Sdn. Bhd.
- Clark, D. C. and B. R. Cutler (1990). "Teaching an Introduction." Florida: Harcourt Brace Jovanovich.

- D' Augustine, C.H. (1973). :Multiple Methods os Teaching Mathematics in The Elementary School." New York: Harper & Row Publisher.
- David K. Cohen, Milbrey W. Mclaughlin and Joan E. Talbert (1993). "Teaching for Understanding: Challenges for Policy and Practice." San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Derek Rowntree (1974). "Educational Technology in Curriculum Development." London: Harper & Row.
- Derek Rowntree (1990). "Teaching Through Self-Instruction: How To Develop Open Learning Materials." (Revised Edition). London: Kogan Page.
- Dewin Allen and Kevin Ryan (1969). " Microteaching." London: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.
- Ee Ah Meng (1987). "Pedagogi Untuk bakal Guru." Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Gronlund, N. E. and Linn, R. L. (1990). "Measurement and Evaluation in Teaching." (6th Edition). New York: Macmillan.
- Haji Zainal Abidin Safarwan (1995). Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. Edisi Pertama. Petaling Jaya: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hopkins, Kenneth (1998). "Educational and Phychological Measurement and Evaluation." (8th Edition). Needham Heights: Allyn & Bacon.
- <http://members.tripod.com/'MUJAHID'/strategi.html>. 11 November 2002.
- <http://members.tripod.com/ppdtr/penyeliaan-dan-pencerapan.html>. 11 November 2002.
- <http://members.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis>. 5 Oktober 2002.
- <http://www2.auckland.ac.nz/cpd/HERDSA/HTML/TchLearn/THOMAS.HTM>. 10 Disember 2002.
- Isahak Haron dan Koh Boh Boon (1981). "Amalan Prinsip-prinsip Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Isahak Haron dan Koh Boh Boon (1982). "Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Jerrold E. Kemp (Ed. D.) (1987). "Corak Rancangan Pengajaran: Suatu Rancangan Untuk Menggubal Unit dan Kursus." (Edisi Kedua). Terjemahan Amir Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joyce, B. and Well, M. (1972). "Models of Teaching." New Jersey: Prentice-Hall.

- Kamarudin Husin (1997). "Psikologi Bilik Darjah: Asas Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1995). Panduan Praktikum II Kursus Perguruan Asas Lima Semester Institut / Maktab Perguruan Malaysia. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Landell Koestrov (1987). "Management By Menu." London: Wiley & Sons Inc.
- Longman Concise English Dictionary (1985). England: Longman Group Limited.
- Louis Cohen and Lawrence Manion (1989). "A Guide To Teaching Practice." (3rd Edition). London: Routledge (Francis & Tylor Group).
- Louis Cohen, Lawrence Manion and Keith Morrison (1993). "A Guide To Teaching Practice." (Fourth Edition). London: Routledge (Francis & Tylor Group).
- Marilyn Nathan (1995). "The New Teacher's Survival Guide." London: Kogan Page Limited.
- Mohd. Najib Abd. Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Najib Ghaffar (1997). "Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah." Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer - SPSS 10.0 For Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mok Soon Sang (1993). "Penilaian, Pemulihan dan Penggayaan dalam Pendidikan." Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (1995). "Asas Pendidikan 3: Kurikulum dan Praktikum." (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (1995). "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI: Semester 1 & 2." (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Omardin Ashaari (1998). "Peranan dan Tanggungjawab Guru Sekolah." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Oosterhof, A. C. (1994). "Classroom Application of Educational Measurement." (2nd Edition). New York: Macmillan.

- Peters, R.S. (1977). "Education and Education of Teachers." London: London Roulledge & Keagen Paul.
- Philip Kotler and Gary Armstrong (1996). "Principles of Marketing." (Edisi Ketujuh). London: Prentice-Hall International, Inc.
- Popham, W. J. (1969). "Objectives and Instructions." dlm W. J. Popham, E. W. Eisher, H.J. Sullivan dan L. I. Tyler, "Instructional Objectives." AERA Monograph Series on Curriculum Evaluation, No. 3. Chicago: Rand McNally.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar (1997). "Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran." Edisi Pertama. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd. 49-53.
- Robert F. Mager (1991). "Preparing Instructional Objectives." (2nd Edition). London: Kogan Page.
- Robert Heinich, Michael Molenda, James D. Russell and Sharon E. Smaldino (2002). "Instructional Media and Technologies for Learning." (7th Edition). New Jersey: Macmillan Publishing Company.
- Robert M. Gagne (1970). "The Conditions of Learning." New York: Halt, Rinehart & Winston.
- Rudin Salinger dan Omar Ibrahim (1990). "Kemahiran Asas Pengajaran Melalui Pengajaran Mikro." Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Sally Brown, Carolyn Earlam and Phil Race. (1995). "500 Tips for Teachers." London: Kogan Page Limited.
- Sapon Ibrahim (2002). "Nota Kuliah Pedagogi dan Teknologi Pendidikan dalam PTV (MTT 1204)". Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987). "Psikologi Pendidikan II." Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali (1997). "Pedagogi: Teori dan Praktik." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Thomas L. Good and Jere E. Brophy (1977). "Educational Psychology: A Realistic Approach." United States: Library of Congress in Publication Data.
- Thomas L. Good and Jere E. Brophy (1990). "Educational Psychology: A Realistic Approach." (Edisi Keempat). New York: Longman.